



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

EKONOMI
TINGKATAN 5 (SISIPAN)

TAHUN 2021

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
4.1	KONSEP PENGELUARAN, KOS DAN HASIL	S4.1.1	Menjelaskan konsep pengeluaran.	S4.1.5	Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output.		12 jam
		S4.1.2	Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual.	S4.1.8	Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap.		
		S4.1.3	Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata.				
		S4.1.4	Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos purata dan kos marginal berdasarkan jadual.				
		S4.1.6	Menjelaskan konsep hasil dan untung.				
		S4.1.7	Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
4.2	PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI	S4.2.1	Menerangkan konsep produktiviti.	S4.2.5	Menilai faedah sosial dan kos sosial berdasarkan contoh yang sesuai.		
		S4.2.2	Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan.				
		S4.2.3	Menerangkan konsep eksternaliti.				
		S4.2.4	Menjelaskan maksud kos sosial dan faedah sosial.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran						Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
5.1	PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI	5.1.1	Menjelaskan peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan.	5.1.4	Menganalisis dan menghubungkan ketiga-tiga peranan kerajaan dalam menjaga kebajikan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara.			34 jam
		5.1.2	Menjelaskan peranan kerajaan untuk mencapai objektif makro ekonomi negara iaitu guna tenaga penuh, kestabilan harga, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan imbangan pembayaran.					
		5.1.3	Menjelaskan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.					

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran						Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
5.2	PENUNJUK EKONOMI	5.2.1	Menjelaskan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebagai alat ukuran inflasi.	5.2.7	Menjelaskan KDNK sebagai ukuran kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia berdasarkan data.			
		5.2.2	Menerangkan jenis inflasi.	5.2.8	Menerangkan sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi.			
		5.2.3	Menganalisis kesan inflasi ke atas harga, tabungan, pendapatan, pengangguran, eksport dan kadar faedah.					
		5.2.4	Mendefinisikan pengangguran.					
		5.2.5	Menganalisis jenis pengangguran iaitu kitaran, berstruktur dan geseran.					
		5.2.6	Mendefinisikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).					

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
5.3	ALAT DASAR EKONOMI	5.3.1	Menjelaskan maksud dasar fiskal.	5.3.7	Menjelaskan alat dasar kewangan yang digunakan oleh bank pusat untuk mengawal ekonomi.		
		5.3.2	Mengklasifikasi dan menjelaskan jenis hasil kerajaan iaitu cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai.	5.3.8	Menganalisis kesan penggunaan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan ke atas ekonomi.		
		5.3.3	Menganalisis kesan cukai regresif, progresif dan berkadar malar ke atas agihan pendapatan.	5.3.9	Menilai kesan yang berbeza ke atas objektif makro ekonomi negara dengan penggunaan alat-alat dasar ekonomi.		
		5.3.4	Menjelaskan jenis perbelanjaan kerajaan iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.				
		5.3.5	Menganalisis kesan belanjawan defisit dan belanjawan lebih terhadap ekonomi negara.				
		5.3.6	Menjelaskan maksud dasar kewangan.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
6.1	GLOBALISASI	6.1.1	Menerangkan maksud globalisasi.	6.1.4	Menilai kesan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi negara.		50 jam
		6.1.2	Menerangkan operasi syarikat multinasional.				
		6.1.3	Menganalisis faktor penggalak globalisasi dalam ekonomi dari aspek peranan kerajaan serta peranan teknologi komunikasi maklumat, pengangkutan dan pelancongan.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
6.2	PERDAGANGAN ANTARABANGS A	6.2.1	Menjelaskan konsep perdagangan antarabangsa.	6.2.5	Menilai kebaikan dan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa dan liberalisasi perdagangan.		
		6.2.2	Menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi Malaysia.	6.2.6	Menjelaskan beberapa contoh blok ekonomi dan perjanjian perdagangan (<i>trade agreement</i>).		
		6.2.3	Menghuraikan bentuk dan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa.	6.2.7	Menjelaskan kesan blok ekonomi dan perjanjian perdagangan ke atas negara ahli dan negara bukan ahli.		
		6.2.4	Menganalisis kesan tarif, subsidi dan kuota ke atas perdagangan antarabangsa.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa	
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap		
6.3	IMBANGAN PEMBAYARAN	6.3.1	Mengenal pasti komposisi dagangan dan arah aliran perdagangan Malaysia.	6.3.5	Menganalisis sebab dan implikasi defisit dan lebihan dalam akaun semasa.			
		6.3.2	Menerangkan maksud imbalan pembayaran.					
		6.3.3	Menjelaskan struktur akaun semasa dalam imbalan pembayaran Malaysia.					
		6.3.4	Menjelaskan konsep defisit dan lebihan dalam akaun semasa.					

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					Peruntukkan Masa
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
6.4	KADAR PERTUKARAN ASING	6.4.1	Mendefinisikan kadar pertukaran asing.	6.4.4	Menganalisis penentuan dan perubahan kadar pertukaran asing menggunakan gambar rajah permintaan dan penawaran.		
		6.4.2	Mengira kadar pertukaran asing berdasarkan harga jualan dan harga belian mata wang asing.	6.4.5	Menerangkan kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas harga eksport dan import.		
		6.4.3	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing.				

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917